

## KAITAN ILMU-ILMU AGAMA DENGAN SAINS SOSIAL\*

FAISAL BIN HJ. OTHMAN  
Jabatan Usuluddin  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### PENDAHULUAN

Istilah ilmu-ilmu agama atau *'ulūm al-dīn* - *al-'ulūm al-dīniyah* digunakan di sini berdasarkan kepada hakikat bahawa istilah ilmu-ilmu agama ialah istilah asal Islam yang digunakan dalam perkembangan tamadun Islam. Al Imam al-Ghazali juga menggunakan istilah ilmu-ilmu agama dan menggunakannya sebagai judul bukunya yang masyhur *Iḥyā' 'ulūm al-dīn*. Dalam konteks sejarah perkembangan ilmu dalam Islam pada mulanya dua istilah kategori ilmu digunakan; Pertama disebut ilmu-ilmu agama *al-'Ulūm al-Dīniyah* atau *'Ulūm al-Dīn*. Kedua, ilmu-ilmu keduniaan atau *al-'Ulūm al-Dūriyyah*. Kedua-dua istilah tersebut telah digunakan sebagai wujudnya dua kategori ilmu dalam Islam. Istilah-istilah itu digunakan dalam tradisi keilmuan dalam sejarah perkembangan tamadun Islam. Walau bagaimanapun dalam tradisi Islam yang awal kewujudan dua kategori ilmu tersebut tegak dan berkembang dalam bentuk dan sifatnya yang bersatu dan bersepada sesuai dengan keperluan penting ajaran Islam itu sendiri yang berasaskan tauhid. Ilmu-ilmu agama dan ilmu-ilmu keduniaan tidak menggambarkan adanya pertentangan antara keduanya.

Ilmu-ilmu agama dirujukkan kepada ilmu-ilmu yang berpunca daripada wahyu Allah yang bertulis dan dibaca iaitu al-Quran dan juga al-sunnah al nabawiyah al sahihah. Secara tradisinya dirujukkan kepada ilmu-ilmu seperti al aqidah al Islamiyah. Al Quran dan segala yang berhubung dengannya, al-sunnah, usul al fiqh dan fiqh atau syariah dalam erti yang luas. Manakala ilmu-ilmu keduniaan dirujukkan kepada ilmu-ilmu yang berasaskan kepada wahyu Tuhan tidak berbentuk kitab yang dibaca tetapi yang dilihat dan direnung iaitu alam semester seluruhnya. Alam seluruhnya juga pada hakikatnya adalah sebagai suatu bentuk wahyu Tuhan yang tidak bertulis yang menjadi sumber kepada ilmu pengetahuan, ilmu-ilmu dalam konteks ini didapati natijah dari

---

\*Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Seminar Islam dan Sains Sosial, anjuran Fakulti Pengajian Islam UKM pada 1 April 1986 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

penerokaan pemikiran manusia dan kajiselidik manusia mengenai kejadian alam dan sebagainya. Ilmu sains tabii, matematik dan sebagainya yang menjadi sumbernya ialah alam itu sendiri. Dalam tradisi awal Islam, ilmu-ilmu itu telah ditanggapi dalam bentuknya yang bersepadau, maka tidak lahir sifat permusuhan antara ilmu-ilmu agama dan ilmu-ilmu keduniaan, seperti yang berlaku di Barat pada abad pertengahan dan pada zaman Renaissance mereka yang akhirnya berkembang dengan sifat memusuhi agama yang menjadi latar belakang tradisi dan budaya mereka iaitu agama Kristian. Sifat yang demikian tidak berlaku di peringkat awal Islam. Ilmu-ilmu keduniaan tidak membawa erti anti ilmu-ilmu agama, malah ianya lahir dan tegak sebagai tambahan kepada ilmu-ilmu agama itu sendiri. Ianya tidak bermakna ilmu dunia lawan ilmu agama. Sebahagian besar dari pembicaraan syariah itu sendiri adalah membicarakan soal-soal keduniaan. Syariah Islam membicarakan sosial, ekonomi, politik dan budaya manusia. Ianya tidak hanya membicarakan soal metafizik *super-natural* semata-mata. Oleh yang demikian syariah juga adalah ilmu mengenai urusan keduniaan. Dengan demikian nyatalah bahawa pengertian Syariah Islamiyah itu adalah amat luas sekali.

Falsafah dan tujuan syariah banyak merujuk kepada soal hidup manusia dan kemaslahatannya yang sekaligus melibatkan soal tingkah laku manusia. Manakala sains sosial moden pula yang menjadi tumpuan kajianya juga ialah mengenai manusia sebagai individu, kumpulan dan masyarakat. Begitu juga bagaimana memahami tingkahlaku manusia itu sebagai seorang individu, kumpulan dan masyarakat seluruhnya.

Penekanan kepada kaitan antara ilmu agama dan sains sosial disini dikhususkan kepada aspek-aspek positif yang terdapat dalam metodologi sains sosial dan hubungannya dengan aplikasi Falsafah dan tujuan atau maqasid al Shariah. Di samping melihat adanya kaitan itu, adalah juga disedari adanya unsur-unsur yang bercanggah mengenai penerangan sains sosial moden dengan Islam, justeru itu perlu kepada usaha penjelasan supaya dengan itu sains sosial dapat bersepadau dengan ilmu-ilmu agama seperti yang berlaku dalam tradisi perkembangan ilmu dalam tamadun Islam yang awal. Adalah perlu diambil ingatan bahawa masalah ini adalah amat luas, apa yang ditulis di sini hanya secebis daripada usaha pemahaman kepada permasalahan. Perlu juga dinyatakan bahawa setiap pemikir Islam yang sedar dan insaf dan bersifat kritis sentiasa menyedari dan memahami erti *apologetic* dan *accommodative* hasil daripada kesedaran inteleknya yang rational. Hal ini disebut kerana kadangkala oleh sebab dikuasai oleh rasa emosi telah dengan mudah menjatuhkan taraf tersebut. Kadang-kadang emosi mengatasi segala-galanya.

### AGAMA ISLAM BERSIFAT KOMPREHENSIF

Islam ialah suatu agama yang berteraskan kepada akidah ketuhanan yang Maha Esa, Maha kuasa, Maha suci, yang menjadikan segala alam semesta, justeru itu sifat agama Islam dalam menanggapi kehidupan manusia dan hubungannya dengan alam adalah bersifat kesatuan dan bersepakutu. Soal keagaman, politik dan kemasyarakatan menurut Islam adalah persoalan-persoalan yang harus digarap dalam perspektifnya yang bersepakutu. Dilihat dari sudut inilah, maka Islam dianggap sebagai agama yang berasaskan kepada *nature* yang waras, agama yang menerima akal yang jelas dan nyata. Islam membawa kebebasan, persaudaraan dan persamaan. Islam menekankan bahawa kebahagiaan yang sebenar hanya akan dapat dicapai melalui Islam dengan tindakan amal dan usaha merilisasikan ajarannya. Hidup tidak ada ertiinya tanpa usaha dan kerja, usaha dan kerja juga dianggap sebagai suatu jihad untuk mencapai kehidupan yang mulia dan bahagia.<sup>1</sup>

Asas ajaran Islam dirujukkan kepada Syariah Islamiyah dalam ertiinya yang luas. Syariah dalam ertiinya yang luas dianggap sebagai bahagian yang paling penting sekali dalam Islam setelah penyataan keimanan yang penuh yakin terhadap kemahaesaan Tuhan dan kemahasuciannya, kerana hanya dengan pelaksanaan syariah dalam ertiinya yang luas sahaja Islam itu akan menjadi suatu kenyataan dalam dunia ini. Syariah Islamiyah memerlukan pembentukan suatu ummah Islamiyah atau suatu masyarakat Islam dalam dunia ini. Yang demikian, oleh kerana syariah Islamiyah telah memberikan prinsip-prinsip asas di mana seorang Islam itu harus mengatur hidupnya, maka prinsip-prinsip itu merangkumi peraturan yang berhubung dengan urusan keduniaan dengan urusan ibadat kepada Tuhan dan urusan sesama manusia.

Pada asasnya, arahan-arahan Syariah itu wujud dalam dua bentuk:

- 1/ Pertama dikenali sebagai arahan yang berhubung dengan urusan ibadat.
- 2/ Kedua dikenali sebagai arahan yang berhubung dengan urusan kehidupan manusia dan perhubungan antara sesama manusia yang diistilahkan sebagai urusan *Mu'amalat*.

Dalam aspek peribadatan yang khusus, syariah Islam telah memberikan arahan-arahan yang sangat terperinci hingga tidak ada ruang lagi untuk berlakunya suatu pindaan atau penambahan atau rekaan dalam apa juu bentuknya. Justeru itulah misalnya sejak zaman berzaman umat Islam tetap melaksanakan ibadat sembahyang dan haji atau puasa dalam bentuk yang sama tanpa ada apa-apa perubahan asas atau pokok. Ianya tetap atau tepat sebagaimana yang diajar dan dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w.)

Adapun dalam aspek kedua, iaitu yang berhubung dengan urusan kehidupan sehari-hari syariah hanya memberikan prinsip-prinsip aturan yang berhubung dengan perkara-perkara sivil, politik dan perundangan.<sup>2</sup> Kecuali hal-hal yang berhubung dengan undang-undang keluarga dan harta pusaka, hukum hudud dan qiaas, maka al-Quran yang menjadi sumber utama kepada syariah Islam hanya memberikan kaedah umum dan prinsip-prinsip asas. Arahan-arahan umum, kaedah-kaedah umum dan prinsip asas itulah yang perlu dikembangkan secara dedaktif untuk melahir suatu aturan yang konkret. Yang demikian itu membuktikan sifat dinamik Islam itu sendiri.

#### SUMBER SYARIAH

Pada asasnya sumber syariah Islam ialah al-Quran dan al-sunnah. Al-Quran, menurut Islam, merupakan penyataan dari kehendak atau Iradah Allah yang harus direalisasikan oleh manusia Muslim di atas muka bumi ini sebagai dijelaskan oleh al-Quran: Surah Āli Imran: ayat 138.

هذا بیان للناس وھدی وموعظة للمتّقین

Al-Quran ini adalah keterangan untuk manusia, jadi pertunjuk dan pengajaran bagi orang-orang takwa.

Sebagai kitab pertunjuk, al-Quran mengandungi tiga jenis pengajaran; Pertama, pengajaran mengenai akidah kepercayaan. Kedua, pengajaran mengenai akhlak dan undang-undang, dan ketiga pengajaran mengenai aturan masyarakat dan negara. Walau bagaimanapun, semua pengajaran-pengajaran yang berhubung dengan kemasyarakatan, al-Quran hanya memberikan arahan-arahan yang bersifat luas dan umum. Arahan-arahan dan pengajaran-pengajaran yang bersifat umum itulah yang mesti menjadi pedoman atau panduan bagi setiap Muslim untuk mengatur hidupnya selaras dengan ajaran Islam.

Arahan-arahan yang bersifat perundangan sebagai dinyatakan oleh para sarjana hukum Islam adalah sedikit dibanding dengan arahan-arahan yang bersifat pendidikan dan pembentukan peribadi. Arahan-arahan yang bersifat perundangan yang jitu hanya merupakan sepuluh peratus dari al-Quran yang mengandungi 6,666 ayat. Tujuh puluh ayat untuk undang-undang sivil, tiga puluh ayat untuk kanun kesiksaan dan tiga belas ayat untuk bidang kuasa/pentadbiran, keadilan dan prosedur.<sup>3</sup>

Al-Shaykh Muhammad Rashid Rida menyatakan bahawa tujuan menghadkan bilangan peraturan-peraturan yang berbentuk hukum dalam al-Quran ialah untuk memberikan ruang yang luas kepada manusia dalam menentukan tatacara pengurusan urusan

keduniaannya dengan menggunakan akal fikirannya yang waras dan melalui proses permesyuaratan, perbincangan secara ilmiah dan persetujuan atau ijma<sup>4</sup>.

Sebagai buku pertunjuk, al-Quran sangat menekankan kepentingan akhlak yang murni yang sekaligus memang mengekang nafsu rakus manusia dengan maksud melahirkan kebahagiaan kepada seluruh manusia. Dan kebahagian itu akan hanya dapat dicapai melalui persediaan manusia itu sendiri untuk menerima al-Quran sebagai pertunjuk hidupnya yang merupakan suatu kebenaran yang mutlak yang datangnya dari Tuhan. Al-Quran menyeru manusia supaya mengatur hidupnya menurut rangka yang berasaskan kepada kehendak Allah sebagai yang dimanifestasikan dalam al-Quran.

Dalam konteks kemasyarakatan al-Quran sangat menekankan pelaksanaan keadilan masyarakat dalam ertiya yang luas di alam dunia ini. Hingga keadilan itu dianggap sebagai objektif paling utama dalam pembentukan negara Islam dan pelaksanaan Syariah itu sendiri. Al-Shatibi (meninggal M1389) menyatakan bahawa al-Quran itu adalah keseluruhan dari Syariah Islam, rukun kepada masyarakat Islam, sumber segala hikmat kebijaksanaan, bukti kebenaran kenabian dan kerasulan, sinaran cahaya kepada fikiran, hati murni dan penglihatan manusia. Tiada jalan untuk dapat mengenal Tuhan kecuali melalui al-Quran; kejayaan dan kesejahteraan bagi seseorang itu tidak wujud jika ianya meninggalkan al-Quran.<sup>5</sup> Demikianlah kedudukan al-Quran dalam Islam sebagai pertunjuk dan sebagai sumber ilmu.

#### AL-SUNNAH

Perkataan Sunnah digunakan untuk merujuk kepada segala yang dinyatakan berhubung dengan Rasulullah s.a.w. Ianya merangkumi perkataan, perbuatan dan persetujuan atau ikrarnya. Tidak ada ulama yang menafikan mengenai al-sunnah sebagai sumber kedua kepada syariah Islam. Ibn Qayyim al Jawziyah (1292-1350 AH) menyatakan bahawa al Sunnah merupakan sumber kedua kepada Syariah. Sekalipun demikian ia tidak setaraf dengan al-Quran kerana beberapa sebab. Al-Quran sifatnya adalah pasti dan penuh wibawa pada keseluruhannya tetapi tidak demikian pada al-sunnah. Ada tiga kemungkinan mengenai hubungan al-sunnah dengan al-Quran:

- 1/ al-sunnah itu seratus peratus sama dengan al-Quran dalam semua aspek dalam erti ia menyatakan sesuatu yang juga dinyatakan oleh al-Quran.
- 2/ al-sunnah itu menerang dan menjelaskan maksud al-Quran.
- 3/ al-sunnah itu memberikan peraturan baru yang tidak dinyatakan oleh al-Quran.

Tidak mungkin ada kemungkinan yang lain selain dari yang tersebut di atas. Dalam apa jua keadaan al-sunnah tidak boleh bercanggah dengan al-Quran. Hinggakan dalam pilihan yang ketiga itupun sebenarnya al-sunnah bukanlah memberikan suatu yang baru, tetapi sebenarnya ianya tertakluk kepada roh al-Quran itu sendiri. Justeru itulah ianya menjadi kewajipan agama.<sup>6</sup>

Rasulullah adalah merupakan sumber rujukan bagi menjelaskan nas al-Quran yang diwahyukan keatasnya. Rasulullah telah menyelesaikan semua masalah yang dihadapi oleh umat Islam pada masa hidupnya. Amalan dan pengucapan Rasul adalah merupakan gambaran dari pelaksanaan kehendak Allah sebagaimana yang digambarkan dalam al-Quran. Oleh yang demikian setiap Muslim mesti menjadikannya sebagai *precedent* dan juga *principle* dalam melaksanakan syariah begitu juga dalam proses pembinaan peraturan dan perundangan.

Oleh kerana masyarakat manusia itu sifatnya sentiasa berubah dan perubahan itu sekaligus akan membawa permasalahan baru yang memerlukan suatu penyelesaian baru, sementara Rasulullah pula sudah wafat, dan tidak semua persoalan yang baru timbul itu dapat dicari precedent nya dari al-sunnah, justeru itulah ianya perlu kepada penyelesaian yang bersifat *ijtihadi* atau satu analisa yang bersifat deduktif dari asas ajaran al-Quran dan al-sunnah. Kesedaran inilah yang melahirkan dasar al-ra'yu yang kemudiannya melahirkan konsep *qias* dan juga *ijma'* atau persetujuan para juri. Semuanya itu adalah merupakan kaedah-kaedah asas yang bersifat asas dalam syariah Islam.

Fungsi *ijma'* adalah sangat penting dalam hal pembentukan hukum. Pertama, ianya menjamin dari kemungkinan berlakunya kesalahan dalam mengeluarkan pendapat lebih-lebih lagi dalam kes membuat sesuatu undang-undang atau peraturan yang dijadikan sebagai suatu norma yang seragam kepada masyarakat. Tanpa ada perbincangan dan persepakatan, maka ada kemungkinan besar untuk menguatkuasakan sesuatu peraturan atau norma yang bersifat menyusah dan memberatkan anggota masyarakat yang bercanggah dengan kepentingan umum anggota masyarakat itu. Kedua, sekalipun *ijma'* itu telah diakui sebagai sumber keempat kepada Syariah, tetapi ianya mestilah dianggap sebagai suatu proses yang berterusan. Inilah sebenarnya dinamisme syariah Islam dalam menghadapi cabaran masa dan tempat.

Dalam menghadapi masalah-masalah yang berhubung dengan kepentingan umum maka aspek-aspek adat resam sesuatu bangsa dan sebagainya adalah juga perlu untuk diambil kira dalam menentukan sesuatu hukum yang dibina secara deduktif dari kaedah umum.

Pemahaman kepada kaedah-kaedah pembentukan hukum

melalui pemahaman usul al-fiqh yang bersifat dinamik dan falsafah syariah serta memahami tujuan syariah adalah sangat diperlukan. Kerana tanpa pemahaman yang mendalam mengenai perkara yang tersebut di atas, dan tanpa memahami sifat dan tabiat masyarakat manusia dan sejarah perkembangan masyarakat manusia itu sendiri tentunya akan membawa natijah kepada pemahaman dan aplikasi Islam yang secara dangkal, bersifat *simplistik* dan *literalistic*.

Perhubungan antara sesuatu nas dan konteks sejarahnya, sebab serta tujuan syariah itu sendiri di mana suatu hukum itu diwujudkan akan terus dilupakan atau sama sekali tidak diambil kira. Akibatnya adalah wujudnya kecenderungan ke arah ketegaran dan sifat konservatif melulu yang membawa natijah kepada kepastian undang-undang dan norma itu sendiri. Sekaligus membawa kecenderungan ke arah kehidupan yang bersifat primitif dan tidak mahu menerima perubahan.

#### ISLAM UNTUK SEBARANG MASA DAN TEMPAT

Pandangan Islam ialah membawa Islam itu sebagai suatu agama yang seuai untuk sebarang tempat dan ketika. Yang demikian, kerana syariah Islam telah memberikan sekurang-kurangnya tiga prinsip asas yang harus menjadi pedoman kepada setiap ahli hukum Islam dalam usaha mereka membuat sesuatu kesimpulan berdasarkan kepada al-Quran dan al-sunnah. Tiga prinsip asas itu ialah:

- 1/ Tidak bersifat menyusahkan seseorang, malah bertujuan untuk mengatasi segala jenis kesusahan dan kepayahan.
- 2/ Sentiasa mengambil kira kepentingan dan kebaikan umum.
- 3/ Bahawa keadilan itu harulah ditegakkan untuk kepentingan umum.<sup>7</sup>

Ketiga-tiga prinsip tersebut, dilihat dari sudut falsafahnya, adalah selaras dengan tujuan syariah yang bertujuan untuk memelihara dan mempertahankan agama, kehormatan, harta, akal dan nyawa.<sup>8</sup> Apa jua aturan yang dibuat bertujuan untuk mempertahankan lima perkara tersebut, maka secara automatik ianya adalah aturan Islam. Yang demikian ialah kerana objektifnya adalah untuk meningkatkan kebaikan umum dalam setiap aspek kehidupan bermasyarakat.

Hakikat bahawa al-Quran hanya memberikan arahan-arahan umum dan kaedah-kaedah asas atau prinsip-prinsip asas berhubung dengan cara-cara pengurusan urusan keduniaan yang melibatkan permasalahan sosio-ekonomi, politik dan budaya umat Islam adalah dengan sendirinya menjadi bukti kepada kemampuan syariah Islam untuk menghadapi sebarang tempat dan masa. Kalau sekiranya segala urusan keduniaan itu diarahkan secara terperinci seperti yang berlaku kepada urusan peribadatan tentu ianya tidak akan mampu

dilaksanakan oleh umat Islam. Sesungguhnya ini adalah suatu kredit kepada syariah itu sendiri yang tidak memberikan arahan secara terperinci berhubung dengan kehidupan sosial umat Islam. Dengan demikian, jelaslah bahawa syariah mengakui hakikat bahawa masyarakat manusia itu sifatnya adalah berubah, ianya tidak bersifat beku. Perubahan itu sebenarnya ialah manifestasi dari sifat kemakhlukan alam itu sendiri dan sifat manusia itu sendiri sebagai makhluk Tuhan. Dalam hal ini, Islam bertujuan membimbing perubahan itu supaya selaras dengan ajarannya. Yang paling penting ialah untuk memahami bahawa intipati dan intisari dari ajaran al-Quran itu adalah bersifat kekal. Manakala aplikasi dari ajaran itu mungkin berubah oleh perubahan keadaan dan suasana.

Menyedari hakikat yang demikian itulah maka sarjana hukum Islam dan juga para ilmiawan Islam berpendapat bahawa, dalam perkara-perkara umum yang berhubung dengan urusan keduniaan, sesuatu hukum itu mungkin berubah dengan berlakunya perubahan masa dan tempat. Dan kaedah ini perlu digunakan dalam perlaksanaan syariah itu sendiri. Ibn al-Qayyim al-Jawziyah yang terkenal dengan ketegarannya pun menerima kemungkinan mengaplikasikan prinsip perubahan hukum sesuai dengan keperluan waktu dan tempat.<sup>9</sup>

Al-Dawlibi dan al-Mahamasani telah menganalisaikan prinsip *taghayyur al-ahkām bi taghayyur al azmān* dengan jelas dan nyata serta memberikan kesimpulan bahawa prinsip itulah yang merupakan aspek paling dinamik dalam syariah Islam. Prinsip ini harus digunakan dalam mengimplementasikan nas yang berhubung dengan urusan kemasyarakatan. Dalam hal ini pihak yang berwibawa dalam negara Islam atau *the legislative council* mempunyai hak dan kuasa untuk merubah suatu hukum yang berhubung dengan urusan kemasyarakatan apabila berlaku perubahan dalam masyarakat itu sendiri. Bila syarat-syarat dan keadaan yang di bina diatasnya sesuatu hukum telah berubah maka hukumnya harus berubah. Semua itu dilakukan demi menjaga kemaslian dan kebijakan serta kepentingan umum dan mengelakkan kesusahan kepada umum sebagaimana dijelaskan oleh *Najm al-Din al-Tufi*.<sup>10</sup>

Al-Dawalibi begitu juga al-Mahamasani telah mengingatkan bahawa prinsip ini tidak boleh diertikan sebagai pemansuhan kepada sesuatu nas, tetapi sebaliknya ianya merupakan perubahan kepada penaksiran dari aspek aplikasi terhadap sesuatu nas itu berasaskan kepada syarat-syarat yang melibatkan soal konteks sejarah, keadaan dan suasana.<sup>11</sup> Yang demikian itu sebenarnya ialah mengimplementasikan nas yang sama dan dalam konteks situasi yang berbeza di mana suatu hukum yang diambil dari nas itu diasaskan kepada kepentingan khusus pada sesuatu masa yang

tertentu. Oleh yang demikian aplikasi kepada nas yang demikian sifatnya iaitu yang diasaskan kepada keadaan dan kemaslahatan umum yang merujuk kepada suatu keadaan yang khusus, begitu juga suatu ketika dan tempat yang khusus adalah tertakluk kepada kewujudan keadaan tersebut. Jadi kiranya kepentingan umum itu telah tidak wujud atau berubah maka dengan sendirinya hukumnya juga turut berubah.<sup>12</sup>

Ahli juri Islam memberikan tiga alasan untuk menjelaskan pentingnya perinsip tersebut.

1/ Pembuatan undang-undang atau *legislation* tidak akan menjadi bijaksana dan adil kecuali aturan itu selari dengan kepentingan, kemaslahatan kebaikan umum di mana sesuatu hukum atau aturan itu dikenakan. Untuk tujuan mencapai matlamat menjaga dan memelihara keselamatan dan kebaikan umum, maka oleh yang demikian, adalah amat mustahak untuk diambil kira adat resam dan keadaan serta keperluan umum sesuatu masyarakat itu. Pengetahuan mengenai masyarakat dan kebudayaan adalah amat perlu.

2/ Sesuatu aturan itu mungkin sesuai untuk kepentingan segolongan manusia, tetapi mungkin dalam waktu yang sama tidak pula sesuai kepada segolongan manusia yang lain. Oleh yang demikian, prinsip perubahan hukum mengikut perubahan keadaan adalah perlu dan harus diaplิกasikan dalam situasi yang demikian.

3/ Peraturan yang diambil secara deduktif dari teks mungkin sesuai bagi kepentingan umat pada waktu yang tertentu, tetapi mungkin tidak sesuai pada ketika yang lain pula. Oleh yang demikian prinsip perubahan peraturan kerana berlakunya perubahan tempat dan masa perlu diaplิกasikan.<sup>13</sup>

Umar Ibn al-Khatab, khalifah Rashidin yang kedua, telah memberikan contoh yang paling ideal dari segi aplikasi prinsip ini. Pada masa pemerintahannya telah banyak memberikan contoh berhubung dengan cara atau metode penafsiran dan aplikasi nas hukum. Apa yang dilaksanakan oleh Umar ialah pemahaman terhadap sebab sesuatu hukum itu. Justeru itu, misalnya, beliau tidak memberikan habuan zakat kepada golongan mualaf pada masa ia memerintah sekalipun nas al-Quran dengan jelas menyatakan hak mualaf. Umar tidak memberinya kerana beliau memahami sebab hukum itu, dan ia merasakan bahawa sebab itu telah tidak wujud maka dengan demikian hukum juga turut hilang wibawanya. Dari sini diasaskan kaedah bahawa sesuatu hukum yang diwujudkan berasas kepada sebab maka kewibawaan hukum itu adalah bergantung kepada kewujudan sebab itu.<sup>14</sup> Semua contoh-contoh yang telah diberikan oleh khalifah Umar itu menunjukkan sifat positif dan dinamik syariah Islam sebagai peraturan hidup manusia.

Antara tokoh sarjana Islam di Nusantara yang turut mengurai dan menganalisaikan hal yang tersebut di atas ialah Professor Dr. M. Rashidi dari Jokjakarta, Indonesia.

Untuk mencapai tahap kefahaman yang luas dalam hal ini ia memerlukan kepada proses pembinaan pemikiran dan intelektualism yang tinggi dan bersifat kritis. Pengajian secara perbandingan adalah sangat diperlukan begitu juga pengetahuan asas mengenai ilmu kemasyarakatan yang merangkumi struktur masyarakat budaya dan adat resamnya. Tanpa ada asas tersebut tentunya akan membawa kepada kedangkala cara berfikir dan berfikir secara tidak relevan kepada keadaan semasa. Apa yang harus disedari sebenarnya ialah bahawa sebahagian besar ajaran Islam itu ialah bersifat umum. Hanya soal akidah dan ibadah khusus serta beberapa hukum masyarakat sahaja yang bersifat terperinci.

### KAITAN ISLAM DENGAN SAINS SOSIAL

Jelas sekali bahawa Islam itu ialah suatu agama yang lengkap. Persoalan yang digarap oleh Islam mencakup permasalahan akidah kepada Tuhan dan permasalahan alam ghaib dan alam akhirat serta hubungan manusia dengan tuhannya, dan juga masalah yang berhubung dengan kehidupan manusia di dunia ini dan interaksi manusia itu dengan manusia sesamanya dan juga dengan alam sekelilingnya. Yang demikian Islam juga membicarakan tentang tingkah laku manusia. Dalam waktu yang sama Islam membicarakan atau dengan tepatnya menggariskan soal bagaimana semestinya manusia harus bertindak dalam mengharungi kehidupan di dunia ini. Dengan bahasa lain bukan sahaja persoalan *What it is* yang digarap oleh Islam tetapi lebih dari itu ialah persoalan *What ought to be*.

Pada hakikatnya mempelajari syariah Islam dan aplikasinya secara sekaligus mempelajari dan memahami tingkah laku manusia. Ketujuh-tujuh bidang sains sosial moden : iaitu Sejarah, Geografi, Sains Politik, Ekonomi, sosiologi, Antropologi dan Psikologi semuanya juga membicarakan soal tingkah laku manusia baik secara individu atau secara bermasyarakat.<sup>15</sup> Kerana itulah dalam perkembangan sains sosial ianya juga dikenali sebagai "Sains Lakuan" sekalipun berlaku perbahasan yang panjang secara semantik mengenal definisi Sains Sosial dan Sains Lakuan tetapi yang nyata ialah hakikat adanya kecenderungan untuk mengatakan bahawa Sains Lakuan dan Sains Sosial itu adalah dua terminologi yang membawa erti yang sama.<sup>16</sup> Sebagai dinyatakan oleh G.C. Homans cabang-cabang ilmu sains sosial itu termasuk Psikologi, antropologi, sosiologi, ekonomi, sains politik, sejarah dan mungkin juga linguistik. Semua cabang-cabang ilmu tersebut pada hakikatnya ialah merupakan satu ilmu. Semuanya berkongsi pada

perkara yang sama dibincangkan iaitu tingkah laku manusia.<sup>17</sup>

Secara khusus perkara yang dibincangkan oleh sains sosial ialah mengenai individu, kumpulan dan masyarakat. Setiap individu tidak dapat lari dari masyarakatnya sendiri sama ada masyarakat besar atau kecil. Kerana ia hanya dilahirkan dalam lingkungan masyarakat dan budayanya. proses sosialisasi seseorang individu, di mana seseorang itu memperolehi kebiasaan-kebiasaan, kepercayaan dan mengumpul pengetahuan tentang masyarakatnya dan latihan yang diperolehnya untuk mencapai status dewasa dalam masyarakatnya, berlaku melalui tiga proses. Ia melibatkan pendidikan dan pengalaman serta pengajaran yang berulang-ulang ke atas seseorang individu melalui sistem sosial. Kesinambungan kebudayaan adalah melalui proses sosialisasi. Seorang individu itu hanya mempelajari beberapa perkara secara terpilih dari budaya masyarakatnya. malah ia hanya melibatkan diri dalam kebudayaannya dalam beberapa perkara yang tertentu sahaja. Oleh yang demikian seorang individu itu sebenarnya tidak seratus peratus tertakluk kepada kuasa masyarakatnya sebaliknya ia juga mempunyai pengaruh personalitinya untuk memberikan sesuatu sumbangan kepada perlanjutan dan perkembangan kebudayaannya. Begitu juga sistem sosial semata-mata tidak dapat bertindak ke atas diri seorang individu dalam proses sosialisasinya tetapi anggota masyarakat pada keseluruhannya yang bertindak mensosialisasikan seseorang individu itu. Pengaruh antara masyarakat pada keseluruhannya ke atas setiap individu dalam masyarakat itu dapat mensemperagamkan perhubungan anggota masyarakat. Keadaan yang sedemikian itulah yang mewujudkan sistem sosial. Demikian secara ringkas sebahagian dari pemahaman sains sosial mengenai hubungan seseorang individu itu dengan masyarakatnya sebagai mana diuraikan oleh Hodgson, Levinson dan Zaleznik.<sup>18</sup>

Dua tujuan utama yang menjadi matlamat kajian sains sosial; pertama untuk memahami apa sebenarnya yang berlaku dalam masyarakat. Yang kedua ialah memahami atau mengkaji kenapa sesuatu fenomena itu berlaku iaitu mengkaji sebab-sebab yang membawa sesuatu fenomena atau sesuatu tindakan itu dilakukan oleh seseorang.<sup>19</sup>

Dalam mencapai tujuan itu ada empat kaedah yang digunakan;

- 1/ Siasatan/tinjaun
- 2/ Ujikaji
- 3/ Pemerhatian
- 4/ Kandungan analisis

Syarat yang utama dalam mencapai matlamat kajian ialah kajian itu harus bersifat objektif dalam erti tidak bersifat berat

sebelah dan prasangka sedangkan kepentingan umum itu relatif, maka dengan sendirinya hukum itu akan bersifat relatif dan menerima perubahan.

#### UNSUR POSITIF DALAM SAINS SOSIAL

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa unsur positif dalam sains sosial. Yang demikian ianya adalah serasi dengan Islam dan sekaligus ada kaitannya dengan ilmu-ilmu agama dalam Islam. Pada dasarnya Islam dapat menerima keempat-empat kaedah sains sosial, tetapi ianya harus dirujukkan kepada perkara-perkara yang berhubung dengan aplikasi kepada kaedah umum Islam. Atau dengan bahasa yang mudah inilah yang berhubung dengan perkara ijtihad. Pada dasarnya sesuatu yang bersifat ijtihad dalam Islam sifatnya adalah relatif. Ia akan menerima perubahan, dan Ibn Khaldun menyatakan bahawa kehidupan manusia itu bukan sesuatu yang bersifat beku, kekal dalam satu bentuk, sebaliknya wujudnya perkembangan dalam kehidupan manusia itu menunjukkan suatu hakikat kehidupan itu sendiri. Perubahan itu adalah suatu fenomena masyarakat yang bersifat kekal, iaitu kekal dalam perkembangan dan perubahan.<sup>20</sup>

Menurut pandangan Islam, apa juu bentuk hukum yang diasaskan untuk menjaga kepentingan umum (harus diambil perhatian bahawa di sini Islam membicarakan perkara yang berhubung dengan tingkah laku manusia tetapi ia dilihat dari perspektif apa yang semestinya dilakukan yang diluar dari bidang sains sosial. Tugas Islam dalam hubungan ini ialah mengadunkan sesuatu yang dapat memberikan faedah atau manfaat kepada kehidupan manusia dan juga menghalang sesuatu perkara yang mendatangkan bahaya atau kerosakan kepada manusia. Dalam hal yang demikian, maka maslahat atau kepentingan umum itulah yang menjadi maksud syariah Islam. Maslahat umum itu tentunya akan berubah dengan berlakunya perubahan fenomenon masyarakat dan juga keperluan masyarakat secara umum. Oleh yang demikian secara logiknya dengan sendiri apa yang disebut maslahat itu adalah suatu yang relatif dan positif. Ianya menerima perubahan oleh sebab berlakunya perkembangan dan perubahan dalam masyarakat. Kalau demikian keadaannya, maka mengikut logiknya keadaan mesti memberi kesan dan pengaruh kepada setiap hukum dan nilai yang dibina atas kepentingan umum. Ianya mesti berubah bila waktu, keadaan dan suasana tempatnya telah berubah dan berkembang.<sup>21</sup>

Di sinilah kaedah sains sosial dapat dijadikan sebagai suatu cara untuk mengenal pasti perubahan yang berlaku dalam masyarakat yang merujuk kepada permasalahan kepentingan umum. Data-data yang bersifat empirikal yang dihasilkan oleh kajilidik misalnya dapat

dijadikan bukti untuk dianalisa dan dengan demikian dapat dibuat suatu kepastian baru atau penilaian semula terhadap sesuatu kepastian yang lama. Oleh kerana yang menjadi asas kepada sesuatu hukum dalam perkara itu ialah kepentingan umum sebagaimana dijelaskan oleh al- Izz bin Abd al-Salam, bahawa apa jua kewajipan dan tanggungjawab yang ditentukan oleh Islam semuanya adalah kembali faedahnya kepada manusia itu sendiri, penentuan tanggungjawab dan kewajipan dari Islam semuanya bertujuan menjaga kepentingan umum baik di dunia maupun di akhirat. Tuhan adalah terkaya dari segala-galanya. Ketaatan seorang hamba/makhluknya tidak sedikitpun memberi manfaat kepada Tuhan demikian jua keingkaran atau kemaksiatan yang dilakukan oleh seseorang itu tidak sedikitpun membawa apa jua kesan kepada Tuhan.<sup>22</sup> Walau bagaimanapun sebagai yang telah disebutkan di atas, soal menentukan apakah maslahat atau kepentingan umum itu dalam konteks kehidupan manusia dalam bermasyarakat adalah terpulang kepada hasil kajilidik yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji masyarakat. Setelah hasil penyelidikan secara siasatan misalnya didapati; barulah boleh dibuat keputusan analisanya dan barulah dapat dibuat hukumnya.

Iman al-Shafi'i (meninggal 205H) salah seorang iman mazhab Fiqh dan sekaligus merupakan seorang ahli hukum Islam yang masyhur telah menggunakan kenyataan yang empirikalnya yang diasaskan kepada hasil kajilidiknya berhubung dengan jangkamasa sekurang-kurang haid telah membuat kajian lapangan dengan bertanya sebahagian besar wanita-wanita di Baghdad. Kajian adalah berdasarkan pengalaman haid setiap orang wanita yang dikajinya bagi membuat hukum atau penentuan mengenai setakat mana minimum waktu haid yang dialami oleh wanita. Hanya setelah mendapat maklumat berdasarkan kajilidiknya maka baru beliau memberikan hukumnya.

Antara kaedah jurisprudens Islam yang diterima oleh para sarjana Islam ialah kaedah bahawa setiap hukum sharak yang diasaskan kepada sebab maka kewujudan hukum itu adalah berasaskan kepada kewujudan sebab itu. Ini bermakna apabila sebab yang membawa adanya sesuatu hukum itu telah hilang maka dengan sendiri hukum kepada perkara yang berkenaan itu juga turut hilang. Dalam perkara ini Subhi Mahmasani telah berjaya menghuraikannya dengan panjang, jelas dan detail.<sup>23</sup> Di samping itu sifat sebab sesuatu hukum itu ada yang jelas dan nyata dan ada pula yang tidak jelas. Sebagai contoh, pandangan Islam terhadap seni muzik, ada dua bentuk hadis yang berhubung dengan seni muzik; satu hadis yang mengizinkan seni muzik, manakala yang kedua pula ialah hadis yang melarang. Oleh yang demikian kedua-dua hadis harus difahami dalam konteks situasinya yang berbeza dan

berlainan keadaan. Aplikasi hadis tersebut harus dilihat dalam konteks situasi dan keadaannya.

Bentuk hadis yang kedua yang bersifat melarang itu terdapat dengan jelas sebab kenapa ianya dilarang atau ditegah.<sup>24</sup> Kesimpulan yang dapat diambil di sini ialah ada dua bentuk muzik; pertama muzik yang boleh membawa ke arah kebaikan, boleh dijadikan sebagai sebahagian dari alat untuk mendidik dan mengarah pertumbuhan jiwa ke arah yang baik dan sebagai alat untuk mengendurkan ketegangan bagi segolongan manusia. Kedua, muzik juga boleh mendorong dan mengarah manusia ke arah kemungkaran dan membawa ke jalan kemaksiatan. Oleh kerana demikian sifatnya maka dengan sendirinya seni muzik perlu dikategorikan kepada dua sifat yang tersebut dalam usaha untuk menentukan sifat yang boleh memberi kesan buruk atau baik maka ianya perlu kepada bantuan ahli-ahli kajilidik yang mahir dalam kaedah penyelidikan sains sosial dengan menggunakan keempat-empat kaedah dalam sains sosial; iaitu siasatan ujikaji pemerhatian dan kandungan analisis. Natijah dari kajilidik secara empirikal itulah nantinya yang harus dijadikan penentuan bagi menentukan yang mana satu boleh dan yang mana satu tidak boleh. Jelaslah bahawa aplikasi kepada sesuatu kaedah umum dalam Islam tidak boleh dilakukan secara sewenang-wenangnya sahaja, atau menjadi hak mutlak dan monopolis suatu golongan tanpa berdasarkan kepada adanya bukti-bukti secara empirikal.

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam aspek ini secara positif kaedah penyelidikan sains sosial itu ada kaitannya dengan ilmu agama. Sekali lagi perlu diambil perhatian bahawa kaitan di sini dirujukkan kepada perkara-perkara yang berhubung dengan penentuan permasalahan urusan keduniaan di mana Islam hanya memberikan kaedah-kaedah umum semata-mata. Oleh yang demikian ia tidak perlu disalah fahamkan. Soal menentukan haramnya zina dan arak misalnya tidak perlu ditimbulkan di sini kerana yang demikian itu telah jelas hukumnya. Begitu juga dengan soal keimanan dan ibadah yang khusus, bukan lagi menjadi suatu ruang untuk perbincangan. Soal yang dibincangkan ialah soal keduniaan, di mana yang menjadi objeknya ialah manusia itu sendiri. Tidak semestinya bila kita membicarakan soal keduniaan dalam bentuknya yang terasing dari soal ibadat khusus kita telah menjadi *secularist*. Orang yang menghukum demikian sebenarnya masih belum jelas lagi pemahamannya mengenai Islam atau mungkin dikongkong oleh semangat dan keghairahannya yang tinggi.

#### UNSUR NEGATIF DALAM SAINS SOSIAL

**Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat unsur-unsur yang negatif dalam sains sosial yang tidak serasi dengan Islam, yang paling asas**

sekali ialah penolakan kepada kewujudan kebenaran wahyu dan penggantungan semata-mata kepada sesuatu yang bersifat empirikal. Mengikut tradisi perkembangan dan pertumbuhan sains sosial moden ianya lahir dengan semangat anti agama atau kebenaran agama. Agama dianggap hanya merupakan suatu kebenaran yang bersifat spekulatif. Sains sosial dianggap sebagai lebih unggul dan lebih benar kerana ianya berasaskan kepada sesuatu yang bersifat empirikal, manakala agama, bahkan semua cabang ilmu yang di bawah naungan ilmu kemanusiaan menurut kategori ilmu Barat, adalah terlalu bersifat spekulatif dan atas kajiannya semata-mata kepada autoriti.<sup>25</sup> Autoriti di sini adalah dirujukkan kepada kepercayaan autoriti menurut istilah Milton Rockeach. Iaitu buku-buku suci dan pendapat-pendapat ahli agama; tidak berdasarkan kepada suatu kajian yang secara empirikal. Sebenarnya, perkembangan sains sosial moden di Barat sejak mula lagi telah terpisah secara dikotomi dengan bidang ilmu kemanusiaan secara khusus bidang falsafah. Hal yang demikian itu akhirnya melahirkan suatu krisis kebudayaan yang parah. Sejak beberapa lama telah berlaku pemisahan antara falsafah dan sosiologi misalnya, Merleau - Ponty secara sedar mengkritik keadaan ini dengan mengatakan bahawa:

Philosophy and sociology have long lived under a segregated system which has succeeded in concealing their rivalry only by refusing them any meeting-ground. Impeding their growth, making them incomprehensible to one another, and thus placing culture in a situation of permanent crisis.<sup>26</sup>

Tentunya krisis budaya yang disebut oleh Merleau - Ponty di atas ialah natijah dari pemisah yang mutlak antara unsur kerohanian dan kebendaan yang juga membawa kepada pemisahan secara mutlak unsur kerohanian dan kebendaan yang juga membawa kepada pemisahan secara mutlak atau dikotomi antara ilmu-ilmu kemanusiaan dan sains sosial. Sedangkan menurut Islam ilmu itu harus bersifat bersepadu. Islam menganggap bahawa antara roh dan jasad itu adalah dua unsur dalam kewujudan manusia yang sepanjang hidupnya harus wujud dalam bentuk dan sifatnya yang bersepadu, menurut ungkapan yang digunakan oleh Muhammad Iqbal ialah sebagai ungkapan peribahasa Inggeris, "The two sides of the same coin." Dalam tradisi Islam, pandangan yang menjurus ke arah pemisahan secara mutlak antara roh dan jasad hanya menjadi berpengaruh dalam pemikiran Islam setelah zaman al-Imam al-Ghazali, demikian menurut penganalisan Fazlur Rahman.<sup>27</sup> Ternyata kepincangan yang berlaku di kalangan umat Islam, setelah mereka menerima konsep dan tanggapan pemisahan yang secara mutlak atau dikotomi antara roh dan jasad dalam pemikiran metafizik Islam. Natijahnya lahir golongan kerohanian yang menolak kebendaan, begitu juga dengan golongan kebendaan

melulu. Demikianlah juga halnya dengan pengalaman kebudayaan Barat. Perkembangan sains sosial moden yang terlalu menekankan kepada data yang empirikal semata-mata tidak dapat menjawab banyak persoalan hidup manusia. Pada dasarnya semua aliran dalam sains sosial moden tidak dapat menerima wahyu itu sebagai suatu kebenaran dan sebagai salah satu dari sumber ilmu. Malah apa yang disebut sebagai konsep wahyu atau wahyu itu sendiri tidak lain merupakan satu andaian yang dilahirkan oleh pengalaman manusia itu sendiri. Menurut andaian sains sosial, semua kebenaran itu sifatnya adalah relatif belaka. Oleh kerana itu semua kebenaran mesti dicari *truth is to be searched*. Tidak ada apa yang disebut sebagai *given truth* yang dirujukkan kepada wahyu. Sistem nilainya juga semuanya bersifat positif dan relatif semata-mata.

Sosiologi dan antropologi agama memang turut sama membicarakan agama, tetapi apa yang menjadi tumpuan kajiannya ialah bukan agama atau doktrin agama itu, sebaliknya ialah penganut-penganut atau pengamal-pengamal kepada sesuatu agama. Justeru itu umumnya penafsiran agama adalah semata-mata dirujukkan kepada amalan penganut sesuatu agama itu. Ada semacam kecenderungan untuk menyama dan mengenal pastikan antara apa yang disebut doktrin dan amalan. Sebab sesuatu yang disebut sebagai doktrin itu menurut penjelasannya adalah juga natijah dari proses amalan dan perjalanan hidup manusia itu sendiri. Yang demikian perjalanan masyarakat itu sifatnya adalah mendatar semata, kalau pun wujud sesuatu yang disifatkan sebagai yang menegak yang demikian itu hanya suatu spekulasi semata-mata. Tentunya andaian ini tidak serasi dengan Islam. Sebaliknya Islam melihat bahawa perjalanan masyarakat manusia tidaklah semata-mata bersifat mendatar tetapi juga ditentukan oleh bentuk yang menegak. Dan yang dimaksudkan dengan menegak itu ialah wahyu Tuhan yang diberikan kepada para Rasul yang memberi kata putus kepada perkara asasi yang tidak akan terdaya oleh akal manusia untuk menjangkaunya. Seperti hakikat Tuhan, cara ibadat, haramnya zina dan sebagainya.

Memang benar sosiologi dan juga antropologi turut menggarap persoalan agama, tetapi ianya menggarap dan cuba menafsir agama sebagai usaha daya tenaga fikir manusia dalam memahami apa yang ada di sebalik alam nyata. Sebagai contohnya ialah huraiyan yang diberikan oleh T. Odea salah seorang ahli dalam bidang sosiologi agama. Menurutnya manusia sejak dari mula lagi telah mula memikirkan tentang kewujudannya. Manusia akhirnya sedar bahawa kehidupan manusia itu sebenarnya terbelenggu oleh tiga keadaan. Pertama, manusia menghadapi keadaan yang tidak menentu, ertiinya ia nya tidak dapat mempastikan secara pasti mengenai keadaannya dan juga masa depannya. Keadaan ini

disebut sebagai *contingency*. Kedua, walau bagaimanapuan usaha untuk mengatasi segala permasalahan hidupnya, tetapi ternyata manusia tidak dapat lari dari kesusaahan, penderitaan, sakit dan mati dan berbagai keadaan yang boleh dianggap sebagai tanda kelemahan manusia itu sendiri. Yang demikian itu, menimbulkan rasa kekecewaan dan keputusasaan dalam jiwa manusia. Dan akhirnya membawa natijah bahawa pada hakikatnya manusia adalah tidak punya kuasa yang mutlak. Manusia sebenarnya adalah tidak berkuasa. Ketiga; menyedari hakikat kewujudan dua keadaan tersebut membawa implikasi wujudnya perasaan kecemasan dalam jiwa manusia yang disebut sebagai *scarcity*. Kesedaran manusia kepada ketiga-tiga keadaan di atas dalam sosiologi agama disebut sebagai titik mula yang mengarah manusia untuk memikir kepada yang di luar alam nyata yang disebut *the beyond*. Menurut andaian sosiologi agama, bahawa natijah pengelaman tersebut di atas, timbulah idea dan konsep ketuhanan yang kemudiannya melahirkan berbagai agama dalam dunia ini. Menurut sosiologi agama lagi hal ini adalah merupakan satu fenomena masyarakat manusia yang bersifat sarwa jagat. Asasnya ialah pengalaman manusia itu sendiri dalam interaksinya dengan alam sekitar. Kerana ia adalah pengalaman manusia yang bersifat universal maka sekalipun hasilnya melahirkan pandangan dan konsep yang berbeza-beza mengenai ketuhanan dan agama, tetapi pada hakikatnya ia lahir dari keadaan yang satu iaitu kesedaran yang disebut sebagai titik mula dan usaha memikir dan menganalisa apakah yang ada disebalik yang nyata ini. Dengan lain perkataan ianya adalah hasil dari usaha manusia itu sendiri.<sup>28</sup> Justeru itu tidak timbul soal penghukuman terhadap sesuatu agama. Tidak mungkin untuk mengatakan agama itu benar manakala agama X atau Y adalah salah. Andaian sosiologi ialah semua agama itu sama. Semua agama sama sahaja kedudukannya, iaitu hasil pengalaman manusia semata-mata sekalipun diakui bahawa kewujudan agama itu tidak dapat dipastikan bila bermulanya. Umumnya mereka cenderung untuk mengatakan bahawa hakikat agama tidak akan dapat difahami, apa yang diperlajari ialah memahami amalan-amalan pengikut sesuatu agama itu. Adapun hakikat agama itu adalah sukar untuk difahami, yang demikian kerana agama telah sedia wujud bersama kewujudan masyarakat manusia dan sejak manusia mengenal masyarakat dan dunia. Dalam dunia ini memang wujud berbagai-bagai agama tetapi kepelbagaiannya itu adalah sebahagian dari perkembangan pertumbuhan agama itu sendiri. Dalam konteks ini R. Oho mengatakannya sebagai kesedaran pemikiran manusia mengenai sesuatu kuasa yang bersifat suci.

Andaian soisologi agama adalah semata-mata atas dasar jalan satu hala hanya manusia mencari Tuhan. Sosiologi agama tidak menerima adanya jalan dua hala, dalam erti Tuhan memberi ajaran atau Tuhan menurunkan wahyu dalam bentuk *verbatim revelation* yang sekaligus membawa konsep adanya *revealed truth*.<sup>29</sup> Menurut perspektif ini semua yang disebut sebagai doktrin agama atau wahyu itu tidak lain hanya natijah dari andaian yang dilakukan secara sistematis hasil dari pengalaman keagamaan yang dialami oleh manusia.<sup>30</sup> Justeru itulah, sains sosial moden menganggap bahawa ianya sangat berbeza dengan pengajian agama sekalipun sains sosial juga mengkaji agama, dan yang menjadi masalah ialah andaian bahawa semua agama itu sama, dengan penekanan kepada ajaran agama yang bersifat metafizik, *super-natural*, *eschatology*, yang semuanya berpusat kepada ide sesuatu kuasa yang bersifat suci. Kerana itu Islam pun dianggap sebagai tidak berkaitan dengan persoalan sains sosial. Sementara para pengkaji agama-agama secara sistematis seperti Willfred Cantell Smith terpaksa mengakui adanya keistimewaan Islam dari agama-agama lain kerana memang secara jelas Islam menggarap persoalan hidup kedunian atau hidup seharian yang disebut sebagai *Mundane affairs*. Smith dalam bukunya *The Meaning and the End of Religion* telah menulis satu bab *khās* mengenai Islam dengan tajuk "The Special Case of Islam."<sup>31</sup> Tentunya kesimpulan itu dibuat setelah melakukan kajian secara sistematis ralisasi yang menganggap semua agama sebagai sama tidak benar, dan kalau yang demikian itu berlaku, bererti telah berlakulah keputusan yang sewenang-wenang yang sekaligus bercanggah dengan sifat keobjektifan yang didakwa sebagai asas metodologi sains sosial. Kerana itu perdebatan mengenai sifat keobjektifan itu sendiri lahir dari kalangan ahli-ahli sains sosial sendiri.

Sebenarnya, atas andaian secara generalisasi bahawa semua agama itu sama, maka Islam sebagai satu agama juga dianggap sebagai tiada kaitan dengan sains sosial. Justeru menurut anggapan ini, dari sejak mula lagi telah berlaku perbezaan metodologi antara kajian agama dengan sains sosial;

The primary method of social science is based upon systematically observing social or political reality. This emphasis on careful and objective observation is what separates the approach of the social scientist from that of researchers in nonscientific fields such as religion or astrology - researchers for whom the opinion of an authority or an argument that sounds reasonable may be evidence enough to establish the validity of an idea. Consider, for example, an astrology buff who consults his horoscope for advice; or a religionist whose spiritual answers are obtained by quoting passages from the Bible. By contrast, the social scientist is oriented to the empirical world; he establishes evidence by testing his ideas against experience, for example, by conducting a survey, a controlled experiment, or any of the other research methods ....<sup>32</sup>

Menurut anggapan tersebut yang saintifik itu hanyalah yang diasaskan kepada kajian secara imprisisis. Kajian agama sama tarafnya dengan ilmu nujum. Oleh yang demikian sifatnya adalah tidak saintifik justeru itu agama dengan falsafah disiplinnya tegak sendiri dan terpisah secara mutlak sebagai yang dijelaskan oleh Mealue-Punty. Andaian bahawa hanya yang bersifat impiris semata-mata yang saintifik dan jitu telah melahirkan suatu krisis. Andaian itu sendiri telah bersikap tidak objektif dan bersifat kekurangan. Kritikan yang lebih lanjut mengenai metodologi sains sosial boleh dirujukkan misalnya daripada tulisan al-Faruqi terhadap metodologi tersebut. Mengenai aspek-aspek negatif dalam sains sosial moden ini penghuraianya sudah banyak dilakukan oleh sarjana-sarjana Islam yang sedar dan insaf di seluruh dunia, istimewanya di Amerika Syarikat, Kanada dan Eropah. Di Malaysia ahli akademik yang paling berwibawa dalam memberikan kritik terhadap hal tersebut di atas ialah Muhammad Kamal Hassan. Kertas kerjanya dalam Seminar Islam di Pengajian Tinggi Asean (1978) banyak menolong untuk memahami persoalan ini.

Adanya berbagai-bagai aliran dalam perkembangan sains sosial moden dan kritikan-kritikan yang diberikan oleh para ahli sains sosial sendiri mengenai cara Penerangan sesuatu golongan dengan jelas menunjukkan adanya *shortcoming* kepada kesahihan secara mutlak terhadap penghuraian empirikal data yang didapati. Kalau dalam sosiologi pada mulanya yang dominan ialah dua aliran iaitu strukturalisme dan fungsionalisme tetapi dalam perkembangan mutakhir sebagai disebutkan oleh Anthony Giddens telah lahir pula aliran strukturalisme dan fungsionalisme.<sup>33</sup> Menyedari hakikat adanya permasalahan asas dalam teori sosial seperti yang disebutkan oleh Anthony Giddens di akhir abad kedua puluh ini timbul kesedaran dari kalangan ahli-ahli sains sosial dari negara-negara Islam untuk menilai semula teori sains sosial moden secara kritis dan cuba memberikan alternatif Islam kepada permasalahan ilmu. Kesedaran ini lahir dari kalangan sarjana-sarjana Islam yang memang ahli dalam sains sosial moden dan berkecimpung dalam bidang akademik yang terdiri dari mahaguru-mahaguru (professor) yang bertugas di universiti-universiti Barat (USA dan Eropah). Mestilah difahami bahawa usaha pengislaman ilmu sains sosial seperti yang disarankan tidaklah bermakna meminda secara mutlak sains sosial moden. Ianya adalah satu usaha secara kritis untuk menghurai dan akhirnya menolak unsur-unsur yang tidak serasi dengan Islam dan mempertahankan unsur-unsur yang serasi serta menambah atau menyambung suatu sumbangan baru terhadap perkembangan ilmu. Langkah tersebut adalah suatu langkah yang bersifat gergasi yang perlu kepada

tenaga-tenaga kepakaran dalam berbagai bidang di samping kesedaran. Seperti dinyatakan oleh Dr. Fathi Uthman, ketua pengarang majalah *ARABIA* dalam keluaran November 1985, bahawa pembangunan semula tamadun Islam baik dari segi pembangunan negara dan intelektualisme tidak harus bermula dari 'kosong'. Adalah mustahil untuk membina tamadun bermula dari kosong. Islam tidak demikian sifatnya. Islam tidak bermula seluruhnya dari kosong. Sekalipun benar tamadun dunia moden sekarang tidak berdasarkan Islam tetapi berdasarkan kepada moden materialisme tetapi ini tidak bermakna segala unsur dari tamadun moden ini harus ditolak. Sesungguhnya pemahaman kepada persoalan ini masih menjadi suatu masalah, sekalipun telah wujud kesedaran Islam yang begitu menonjol di akhir abad kedua puluh ini.

#### KAITAN ISLAM DENGAN PERKEMBANGAN ILMU

Kaitan Islam dengan perkembangan ilmu dapat dirujukkan kepada sifat dan intisari ajaran Islam itu sendiri. Profesor Dr. Ismail al-Faruqi telah memberikan empat intisari penting yang menjiwai agama Islam. Empat intisari itu ialah;<sup>34</sup>

1/ Islam ialah agama yang bersifat rasional. Al-Quran menganjurkan supaya manusia sentiasa mengkaji, menyelidik dan memahami kejadian alam ini yang tentunya akan menjadi bukti kepada keagungan Allah. Iman yang menjadi asas Islam itu sendiri adalah didasarkan kepada lojik yang rasional tidak didasarkan semata-mata kepada kepercayaan yang bersifat dogmatik. Justeru itu al-Quran melarang seseorang itu untuk mengatakan sesuatu kalau ia belum pasti, yakin dan benar-benar mengetahui apa yang akan diperkatakan itu (al-Quran 17:36). Demikian dinamiknya anjuran al-Quran yang menentang bentuk taklid yang membaut tulsi. Justeru itu Islam mendorong manusia supaya mengkaji dan mempelajari sesuatu dengan tujuan untuk kemanfaatan hidup manusia dan juga untuk tujuan mencari kebenaran dan mencari keridaannya.

2/ Islam ialah agama *transcendent*. Konsep ketuhanan Islam ialah Tuhan yang Maha Esa dan Maha Suci. Tidak ada tolok bandingnya dengan segala yang ada di muka bumi ini.

Tuhan ialah pencipta segala alam semesta. Manusia adalah makhluk yang dijadikan oleh Tuhan. Manusia adalah sebahagian dari alam semesta yang dijadikan Tuhan. Justeru itu manusia dan juga segala alam bukanlah sebahagian daripada Tuhan. Tidak ada unsur Tuhan di alam ini kerana alam ialah makhluk yang dijadikan Tuhan dan Tuhan itu bersifat Maha Suci. *Transcendent* tidak ada bandingannya dengan alam makhluk. Justeru itu Islam adalah menentang apa juar bentuk kepercayaan ketuhanan yang bersifat

*immeneni* dalam apa juga penafsirannya sekalipun penafsiran *immenetisme* yang sudah disadur dengan sinkritisma Islam seperti yang terdapat dalam aliran mistik yang teosofi dari kalangan orang-orang Islam.

Alam tabii bukanlah mempunyai unsur-unsur ketuhanan, ia hanya kejadian yang dijadikan Tuhan semata-mata. Perkara ini jelas dan nyata sebagaimana telah dijelaskan oleh Allah melalui wahyu-Nya (al-Quran) dan sekali lagi dijelaskan oleh Rasul-Nya Muhammad (s.a.w.) Konsep ketuhanan ini adalah jelas, tidak perlu lagi kepada metafizik atau penafsiran yang kononya dianggap sebagai lebih tinggi, lebih ilmiah dan sofistikated seperti yang didakwakan oleh golongan yang cuba membenarkan teori Immanentisma.

Lahirnya golongan immanentisme dalam sejarah Islam adalah natijah daripada kemasukan unsur-unsur luaran yang sama sekali tidak serasi dengan ajaran Islam yang berasaskan al-Quran. (al-Quran: 2 : 15 ; 7 : 7 ; 2 : 163 ; 6 : 19 ; 16 : 22 ; 23 : 91; 37 : 1-5 ; 38 : 65 ; 112 : 1-4 ; 50 : 16; 57 : 34 ; 6 : 102 ; 35 : 15 ; 25 : 3 ; 38 : 71).

Dasar *transcendentalis* Islam itu mendorong manusia Muslim lebih bersifat rasional dan positif dalam melihat alam nyata dan tabiat alam itu sendiri. Ia melihat alam sebagai alam yang dijadikan Tuhan, bukan sebagai unsur Tuhan atau jelmaan Tuhan. Justeru itu semua alam adalah tunduk kepada iradah dan kehendak Tuhan. Hakikat inilah yang merangsang manusia Islam terus bertasbih kepada Allah, bukan mengingat Tuhan dengan mengatakan benda itu sebagai unsur jelmaan Tuhan, kerana itulah al-Quran menyuruh manusia supaya meneroka alam dengan menggunakananya sebaik mungkin dengan penuh tanggungjawab terhadap penerokaan alam itu. Al-Quran tidak menyuruh manusia supaya melihat alam ini sebagai sebahagian dari Tuhan dan bersifat suci lantas tidak boleh disentuh atau diterokai. Apa yang dianjurkan oleh al-Quran ialah supaya manusia melihat dan mengkaji alam ini untuk dijadikan bukti kepada keagungan dan kebesaran Allah, bukan menjadikannya sebahagian daripada Tuhan. Inilah konsep ketuhanan Islam dan pandangan Islam mengenai alam. Ini bukan pandangan sekular sebagai yang dianggap oleh golongan yang memandang alam secara mistik yang berbentuk teosofi yang mempertahankan aliran kefahaman Immanentisme dengan penafsiran secara alegori untuk menegakkan teori immanentisma mereka.

3/ Islam ialah agama yang mengesahkan kewujudan alam ini sebagai berguna. Al-Quran dengan jelas menyatakan bahawa kejadian bumi dan langit bukanlah sesuatu yang sia-sia (al-Quran 3:191).

Dunia ini dijadikan sebagai gelanggang yang harus

dimanfaatkan oleh manusia. Alam harus diterokai dengan penuh tanggungjawab dan harus dipelihara sebaik mungkin, demikian yang dianjur oleh al-Quran. Islam tidak menolak dan menafikan dunia, sebab pemberian status khalifah kepada manusia sekaligus menjadikan manusia sebagai pengguna kepada alam ini. Penafian kepada dunia bukanlah dari ajaran Islam yang asli dan murni. Metaphysic Plotinus yang menjadi pengasas Neo-Platonisme menganggap dunia dan alam benda sebagai jahat semata-mata. Pada hematnya yang murni dan suci serta baik itu hanya alam kerohanian, justeru itu kebahagiaan hanya boleh dicapai dengan menolak kebendaan. Manusia harus menolak dunia atau alam benda untuk mencapai kejayaan yang sebenar.<sup>35</sup> Aliran inilah yang kemudiannya meresap dalam pemikiran orang-orang Islam dalam bentuk *theosophical mysticism*. Lantas cuba dipertahankan dengan berbagai cara.

Manusia Muslim berkewajipan untuk menguasai sejarah. Anjuran Islam ialah supaya manusia berada dalam dunia dan bertanggungjawab mencipta sejarahnya menurut pola yang diberikan oleh Tuhan. Manusia Muslim tidak seharusnya lari dari sejarah dan dunia. Sebab itulah dalam ungkapan katanya al-Quran sentiasa merangkaikan antara iman dan amal. Amal salih itu mempunyai pengertiannya yang amat luas sekali dalam Islam.

Dengan bahasa yang mudah, Islam harus menjadikan dunia ini sebagai syurga dalam erti menjamin kebahagiaan, keamanan, kedamaian dan ketenteraman hidup, iaitu hidup manusia lahir dan batin disamping mengarah manusia kepada mengingati Allah dan bertakwa kepada-Nya. Bila objektif ini terlaksana, maka sempurnalah tugas manusia sebagai khalifah Allah di dunia dan terciptalah syurga di dunia ini yang akhirnya akan mendapat kekal di akhirat. Bila mendapat bahagia di dunia dan di akhirat tentunya sekaligus bermakna selamat dan terjauh dari siksa neraka. Adalah tidak lojik untuk mengatakan bahawa orang yang muhu kebahagiaan di dunia dan di akhirat itu lupa kepada seksa neraka.

4/ Islam itu agama yang bersifat kemasyarakatan. Agama Islam menganggap seluruh pengikutnya sebagai satu umat, semuanya sebagai satu saudara dan satu keluarga. Sekalipun benar wujud berbagai bangsa dan bahasa di dunia ini, tetapi kewujudan itu tidak seharusnya menjadi penghalang kepada kesatuan umat Islam. Islam mengakui wujudnya bangsa-bangsa tetapi itu dianggap sebagai pertanda kepada keindahan alam itu sendiri.

Oleh kerana kewajipan manusia dalam Islam ialah untuk membentuk masyarakat bertuhan dan bermoral, iaitu masyarakat yang bertanggungjawab. Semua faedah falsafah hukum Islam adalah kembali kepada kemaslahatan atau kepentingan hidup manusia. Kerana itulah Islam, sangat menekankan kepentingan

umum. Renungkanlah saranan al-Quran yang menganggap seseorang itu menjadi pendusta kepada agama, dan tidak bermoral kalau dia hidup demi kepentingan diri dan keindividuan tanpa mengira nasib orang lain dan masyarakatnya, tidak menjaga dan memberi makan anak yatim dan orang-orang miskin yang memerlukan bantuan (al-Quran 107:1-3). Setiap harta yang dimiliki oleh setiap orang ada sahamnya untuk orang-orang yang tidak berada.

Demikian secara ringkas sebahagian daripada intisari ajaran Islam. Intisari tersebut jelas sekali merupakan satu dinamo yang paling dinamik sekali kiranya ia diterjemahkan dalam kehidupan manusia. Ia mampu untuk menjiwai satu tamadun manusia yang unggul di zaman moden ini.

Dengan memahami intisari penting Islam itu akan dapat menghasilkan kefahaman mengenai erti kesyumulan Islam itu. Ianya membawa erti bahawa Islam mempunyai kaitan dengan segala persoalan hidup manusia. Justeru itu tidak seharusnya timbul pemisahan antara ilmu-ilmu agama dengan ilmu-ilmu keduniaan. Timbulnya pemisahan itu ialah hasil dari pengaruh aliran sekularisme yang memang memisahkan antara persoalan hidup dengan persoalan agama. Oleh demikian pengetahuan moden Barat telah berkembang dengan semangat anti agama.

### KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan tentang pentingnya kesepadan antara ilmu-ilmu agama dengan ilmu-ilmu keduniaan, kerana demikianlah ajaran Islam. Dalam tradisi perkembangan ilmu pengetahuan dalam sejarah tamadun Islam di zaman kejayaan dan kegemilangan Islam sebenarnya apa yang dikenali sebagai cabang-cabang ilmu dalam sains sosial moden telah sedia terangkum dalam kajian syariah Islam iaitu dalam bidang kajian ilmu-ilmu agama dalam Islam. Sebahagian besar dari objek kajian syariah Islam dalam pengertiannya yang luas ialah mengenai soal kehidupan manusia di dunia. Syariah membicarakan soal ekonomi, politik, pemerintahan negara, sosio-budaya dan tindak tanduk manusia yang semuanya juga merupakan cabang-cabang ilmu dalam sains sosial moden. Oleh yang demikian, dilihat dari perspektif ini memang ilmu-ilmu agama dalam agama Islam sangat berkait dengan sains sosial. Walau bagaimanapun kaitannya itu adalah dalam skop yang tersendiri. Ini bermakna bahawa dalam memperakukan adanya kaitan itu tidak pula bermakna menerima keseluruhan sains sosial moden itu seperti adanya. Kerana tidak dapat dinafikan adanya unsur-unsur negatif dalam sains sosial yang tidak serasi atau berlawanan dengan ajaran agama Islam. Apa yang menjadi masalah sekarang ialah perkembangan ilmu pengetahuan sekarang

sudah tidak lagi berada di tangan umat Islam. Perkembangan sains sosial berpusat di dunia Barat. Umat Islam tidak lagi pemegang kepada obor ilmu pengetahuan. Menurut statistik hanya 20% sahaja umat Islam dalam dunia ini yang boleh membaca dan menulis dalam bahasa ibundanya sendiri. Malaysia ialah satu-satunya negara umat Islam di mana 75% penduduknya boleh membaca dan menulis. Di setengah-setengah negara umat Islam di dunia ada peratus buta hurufnya yang mencapai angka 90%. Bayangkanlah keadaan yang sedemikian itu, bagaimana berbicara mengenai perkembangan ilmu pengetahuan di kalangan umat.

Memang benar umat Islam telah dijajah oleh bangsa-bangsa Eropah yang beragama Kristian, kerana itu sekalipun telah merdeka tetapi umat Islam masih lemah dalam segala hal. Pada asasnya penjajah bukanlah faktor utama kepada kejahilan, kelemahan dan kemunduran umat Islam. Sebenarnya, hakikat bahawa penjajah telah dapat menguasai seluruh dunia Islam itu menunjukkan bahawa umat Islam telah sedia lemah. Kerana itulah penjajah tidak dapat dianggap sebagai faktor utama yang membawa kepada kelemahan, kejatuhan dan kemunduran umat Islam. Penjajah hanyalah merupakan faktor yang menambah keparahan, kelembaban, kejatuhan dan kemunduran umat Islam dalam segala bidang-material, spiritual dan intelektual.

Kewujudan dua sistem pendidikan dan pelajaran di seluruh negara-negara Islam di dunia yang berkekalan hingga ke hari ini juga bukanlah berpunca semata-mata kerana penjajah. Memang apabila umat Islam dijajah maka pihak penjajah sekaligus mewujudkan institusi pendidikan dan pembelajaran atau pengajian yang selari dengan matlamat dan dasar penjajahnya dan berfungsi untuk mengukuh dan memantapkan kedudukannya. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan dan pembelajaran Barat mampu untuk melahirkan golongan teknokrat dalam berbagai bidang dan yang penting telah melahirkan pegawai-pegawai tadbir yang cekap dan mahir sesuai dengan perkembangan dan perubahan masyarakat manusia. Sebenarnya perkembangan ilmu pengetahuan moden itu ada susur galurnya dengan usaha-usaha penerokaan yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana dan para ilmiawan Islam di zaman keagungan Islam, sekalipun akhirnya menjurus ke arah kebendaan dan keduniaan melulu atau materialisme dan sekularisme.

Memang benar sebelum penjajah datang umat Islam telah punya institusi pendidikan dan pembelajaran atau pengajiannya sendiri yang hingga kini di kenal sebagai sekolah pondok atau agama. Tetapi yang harus diperhatikan di sini ialah bentuk dan kurikulum pelajaran yang diajarkan di institusi-institusi tersebut. Kurikulumnya telah menjadi begitu sempit dan begitu terhad, tidak lagi mewakili sifat kesyumulan Islam dan tidak lagi mewarisi tradisi

zaman keagungan dan keunggulan Islam. Skop pengajian terkongkong semata-mata dalam lingkungan perbahasan agama yang sempit melulu. Justeru itu ia tidak mampu mengeluarkan tenaga-tenaga manusia yang dikehendaki oleh pembangunan fizikal masyarakatnya. Mereka tidak mampu menjadi agensi pembangunan kerana memang mereka tidak didedah ke arah perkara tersebut. Mereka juga tidak mampu pada umumnya untuk menganggapi persoalan intelktualisme moden kerana memang tidak terdedah kepada persoalan tersebut. Pada zaman kelemahan, kejatuhan dan kemunduran umat Islam itulah pula mula berkembangnya ilmu pengetahuan di Barat yang dulunya dipegang pimpinannya di tangan sarjana-sarjana dan ilmiawan-ilmiawan Islam. Menjelang kedatangan dan penguasaan penjajah kurikulum sekolah pondok dan agama sudah tidak mampu lagi misalnya untuk mengeluarkan tenaga-tenaga pro dalam pentadbiran awam yang moden, doktor-doktor ubat dan sebagainya. Sebagai natijah dari keadaan inilah maka pihak penjajah memperkenalkan institusi pendidikan dan pembelajaran sendiri yang disebut sebagai sistem sekular. Malah dalam kes Mesir misalnya bukan penjajah yang melahir dua sistem pendidikannya. Sebelum adanya Universiti National Mesir begitu juga sekolah kebangsaan Mesir seperti yang ada sekarang, al-Azharlah hanya satu-satunya sistem pelajaran dan pendidikan yang ada, tapi kurikulumnya ternyata terlalu terhad. Tidak lagi mewarisi tradisi kesyumulan Islam. Tidak lagi mampu untuk melahirkan tenaga-tenaga teknokrat dan profesional. Kerana pandangan kebanyakan cerdik-pandai agama tidak ke arah itu sekalipun mereka melaungkan Islam itu sempurna syumul tetapi bila sampai kepada aplikasi ilmu dan sistem pendidikan dan pelajaran dan bila sampai kepada permasalahan kurikulum mereka ternyata tidak lagi mewakili kesyumulan Islam itu. Latar belakang inilah yang menyebabkan perlunya diwujudkan institusi baru yang asing bebas dari institusi agama dan bertujuan mengajar ilmu-ilmu keduniaan dalam perspektifnya yang tersendiri, dan modelnya ialah model dari Barat. Mesir pada masa itu belum lagi dijajah oleh Barat. Kelahiran dua aliran ini secara sekaligus maka berlakulah pertembungan secara serius antara dua sistem tersebut. Sebagai natijah, lahirlah dua golongan manusia yang mempunyai tanggapan dan pandangan hidup yang berbeza dan juga mempunyai daya kemampuan yang berbeza dalam tanggapan mereka terhadap dunia dan masyarakatnya dan juga kemampuan untuk menghadapi cabaran zaman dan alam. Ternyata antara beberapa sebab utama yang membawa kepada kewujudan keduaan dalam sistem pendidikan dan pembelajaran itu ialah kerana umat Islam khususnya para ahli agama Islam secara tradisional sudah kehilangan sifat dan sikap respon dan inovatif. Sedangkan kedu-

dua sifat dan sikap itulah yang dulunya menjadi dinamo kepada para sarjana-sarjana Islam di zaman keagungannya. Di zaman kejatuhananya umat Islam hanya mampu bersikap bertahan semata-mata. Sesungguhnya, era baru kebangkitan Islam menghadapi penuh cabaran dalam berbagai bidang dan tentunya yang paling utama ialah cabaran di bidang intelektualisme kerana hanya dengan kemajuan dan penyelesaian di bidang ini yang nantinya mampu membangun semula tamadun Islam dan seterusnya menjaga dan menjamin penerusan dan kesinambungan tamadun itu. Kebangkitan dan pembangunan semula tamadun Islam tidak harus dimulai dari kosong. Hal yang demikian adalah mustahil untuk dilakukan dan tidak akan berlaku, sebab tradisi keilmuan dan tamadun itu sendiri adalah suatu proses yang berlaku dalam sejarah manusia. Apa yang berlaku ialah suatu proses yang bersifat pilihan dan sesungguhnya proses itulah yang dianjurkan oleh Islam.

#### CATATAN

<sup>1</sup> Muhammad Yusuf Musa. 1961. *Al-Islām Wa al-Hayāh: Dirāsāt Wa Tawjīhat*. Cairo: Maktabah Wahbah, hlm. 23-30.

<sup>2</sup> \_\_\_\_\_ 1958. *al-Fiqh al-Islam*. Cairo: Dār al-Kitāb al-Arabi, hlm. 105. Lihat juga H.A.R. Gibb. 1953. *Shorter encyclopedia of Islam*. New York: Cornell University Press, hlm. 524-525.

<sup>3</sup> M. Adil al-Aseer. 1976. Modern reform of Shariah Court. Ph.D. Dissertation, Temple University, hlm. 78-79. Lihat sama M. Yusuf Musa. 1958. *Tarikh al-fiqh al-Islami*. Cairo: Dār al-Kitāb al-Arabi, hlm. 225.

<sup>4</sup> Muhammad Rashid Rida. 1931. *al-Wahy al-Muhammadiy*. Cairo: Maṭba ‘ah al-Manār, hlm. 225.

<sup>5</sup> Al-Shātibi, Abu Ishāw Ibrahim Ibn Musa al-Lakhmi. 1939 *Al-Muwāfaqat fi uṣūl al-shari‘ah*, ed. Muhamad Abdullah Daraz. 4 Vols. Cairo: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubra, Vol. 3, hlm. 346-347, 351-352.

<sup>6</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyah, Shams al-din, Muhammad Ibn Abu Bakr. *I‘lam al-muwaqqi‘in ‘an rabb al-‘alāmin*, ed. by Muhammad Muhyi al-Din Abd. Hamid. 2 Bols. Cairo: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubra.

<sup>7</sup> Fathi Ridwan. 1966. *Falsafah al-Tashri‘*. Cairo: al Majlis al-A‘lā al Shu‘un al Islamiyah, hlm. 175-176.

<sup>8</sup> Alāl al-Fasi. 1964. *Maqāsid al-Shari‘ah al-Islāmiyah wa makārimuha*. al Dār al Bayda': Maktabat al Wahdat al Arabiyah, hlm. 138.

<sup>9</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyah. *I‘lam al-Muqaqqin ‘an Rabb al-‘Alāmin*. III, hlm. 1-3.

<sup>10</sup> Muṣṭafa Zayd. 1964. *al-Maslahah Fi al-Tashri‘ al-Islāmi wa Najm al-Din al-Tūfi*, Cairo: Dar al-fikr al Arabi, hlm. 117.

<sup>11</sup> Muhammad Ma‘rūf al-Dawalibi. 1965. *Al-Madkhāl ila ‘ilm Uṣūl al-Fiqh*. Damascus: Dār malayin, hlm. 317-318.

- <sup>12</sup> Al Dawalibi, hlm. 318.
- <sup>13</sup> Al Dawalibi, hlm. 318.
- <sup>14</sup> Al Dawalibi, hlm. 320-321.
- <sup>15</sup> Bert F. Hoselitz. 1959. *A readers guide to the social sciences*. New York: The Free Press, hlm. 1-25.
- <sup>16</sup> *The New Encyclopaedia Britanica*. 1985. vol. 27 15th. Edition. Chicago: Encyclopedia Britanica, hlm. 365, bab Social Sciences.
- <sup>17</sup> George D. Homans. 1967. *The nature of social science*. New York: An Original Harbinger Book, hlm. 3.
- <sup>18</sup> R.C. Hodgson and others. 1965. *The executive role constellation*. Boston: Harvard Graduate School of Business Administration, hlm. 37.
- <sup>19</sup> Hoselitz, Bert F. 1965. *A readers guide to the social sciences*. New York: The Free press, hlm. 158
- <sup>20</sup> Subhi Mahmasani. 1962. *Muqaddimah Fi Ihya' al Shari'ah al Islamiyah*. Beirut: Dar al mallyain, hlm. 59-64.
- <sup>21</sup> Subhi Mahmasani, Muqaddimah, hlm. 67.
- <sup>22</sup> Subhi Mahmasani, Muqaddimah, hlm. 66.
- <sup>23</sup> Subhi Mahmasani, Muqaddimah, hlm. 70.
- <sup>24</sup> Fathi uthman, 1960. *al Din Fi Mawqif al Difa'*. Cairo: Maktabah Wahbah, bab al-Masiqat. Lihat juga Mahmud Shaltut. *al Fatawa dan ibn Hazm al-Muhalla* bahagian jual beli alat music.
- <sup>25</sup> Walker, Williston. 1970. *A history of the Christian Church*. New York: Scribners Sons, hlm. 426-430.
- <sup>26</sup> Antony Giddens. 1979. *Central problems in social theory*. Los Angeles: University of California Press, hlm. 3.
- <sup>27</sup> Fazlur Rahman. 1980. *The major themes of the Quran*. Chicago University Press, hlm. 17.
- <sup>28</sup> O'dea, Thomas F. 1966. *The sociology of religion*. New Jersey: Prentice Hall Inc., hlm. 5-7.
- <sup>29</sup> Al Faruqi, Ismail R.A. 1980. *Tawhid: Its implications for thought and life*. International Institute of Islamic Thought, hlm. 10-12.
- <sup>30</sup> Willfred Cantwell Smith. 1978. *The meaning and end of religion*. New York: Harper & Row, Publisher, hlm. 129-130.
- <sup>31</sup> Willfred C. Smith. 1978. *The Meaning and end of religion*, hlm. 80-118.
- <sup>32</sup> Gerald S. Ferman and Jack Levir. 1975. *Social science research*. New York: John Wiley & Sons, hlm. 5.
- <sup>33</sup> Anthony Giddens, hlm. 1-8.
- <sup>34</sup> Al Faruqi, Ismail. 1970. *The great Asian religions*. New York: Macmillan, bab Islam.
- <sup>35</sup> Sahana, William S. 1968. *History of philosophy*. New York: Barnes & Noble Books, hlm. 80-85.